# AWQAF HOLDINGS BHD
( 1015578-X )

## WAQAF KORPORAT®
**DITERAJUI MASYARAKAT**
**PENYELAMAT HARTA BANGSA DAN UMAT**

*A COMMUNITY-DRIVEN*
## *CORPORATE WAQF®*
*INSTITUTION UPHOLDING JUSTICE AND BRIDGING ECONOMIC DIVIDES*





**www.awqaf.com.my**

03-5566 8544

admin@awqaf.com.my

www.facebook.com/awqafholdingsberhad/

“Ahli Lembaga Pengarah AWQAF Holdings Berhad yang merupakan pemegang amanah akan terus memastikan agar sumber dana waqaf ini digunapakai untuk manfaat sejagat. Justeru itu, kita sentiasa memerlukan sokongan daripada masyarakat dengan mewakafkan yuran keahlian kepada AWQAF Holdings.

Kita yakin dengan pengurusan yang telus & professional, institusi Waqaf Korporat mampu untuk bersaing dan berkembang seterusnya menyatupadukan rakyat khususnya umat islam dalam pembangunan ekonomi dan seterusnya menangani isu-isu sosial & pendidikan.”



Tan Sri Siti Sa’diah Sheikh Bakir
Pengerusi AWQAF Holdings Berhad

“Wakaf diturunkan dan didatangkan kepada agama kita, bukan hanya untuk membina institusi-institusi agama. Tetapi, lebih daripada itu dengan membina tamadun dan memberi kebajikan dalam pelbagai aspek.

AWQAF merupakan satu institusi yang sangat strategik, yang berupaya sebagai kuasa ekonomi ketiga. Selepas sektor kerajaan & sektor swasta, sektor wakaf boleh memainkan peranan penting sebagai penggerak utama ekonomi negara.”



Mohammad Sahar Mat Din
Timbalan Pengerusi AWQAF Holdings Berhad

# MAKLUMAT KORPORAT
## *CORPORATE INFORMATION*

**TARIKH DITUBUHKAN /**
***DATE OF INCORPORATION***
**03 September 2012**

**JENIS SYARIKAT / *TYPE OF COMPANY***
**Syarikat Berhad Tanpa Syer /**
**Company Limited by Guarantee**

**JENIS PERNIAGAAN / NATURE OF BUSINESS**
**Menguruskan Harta Wakaf dan Aktiviti Kebajikan/**
***Managing Waqf Property and Other Charitable activities***

**ALAMAT BERDAFTAR/ *REGISTERED ADDRESS***
**Suite 21, PKNS BizPoint, No. 67 A,**
**Tingkat 1, Jalan Plumbum P7/P,**
**Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor**

**WEBSITE**
**www.awqaf.com.my**



## AHLI LEMBAGA PENGARAH / *BOARD OF DIRECTORS*

| | | |
|---|---|---|
| 1. Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir | - | Pengerusi / Chairman |
| 2. Tuan Hj. Mohammad Sahar Mat Din | - | Timbalan Pengerusi / Deputy Chairman |
| 3. Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali | - | Pakar Syariah / Syariah Expert |
| 4. Encik Abdul Mohsein Mohd Shariff | - | Pengarah Bebas / Independent Director |
| 5. Puan Azizah Abdul Rahman | - | Pengarah Bebas / Independent Director |
| 6. Datuk Dr. Mohd Ghazali Md Noor | - | Pengarah Bebas / Independent Director |
| 7. Puan Sri Noorzilah Mohammed Ali | - | Pengarah Bebas / Independent Director |
| 8. Puan Norhana Ramli | - | Setiausaha Syarikat / Company Secretary |

# PENGASAS / *FOUNDER*



## ALLAHYARHAM TAN SRI MUHAMMAD ALI HASHIM

Merupakan Presiden Dewan Perniagaan Islam Malaysia (DPIM)(2012-2017) dan Pengerusi Awqaf Holdings Berhad(2012-2017), institusi Wakaf Korporat yang berasaskan komuniti pertama di Malaysia.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1969. Beliau dianugerahkan Doktor Kehormat dalam bidang keusahawanan, perniagaan dan pengurusan Islam dari sembilan universiti di Malaysia.

Tan Sri Muhammad Ali diiktiraf sebagai usahawan korporat yang cemerlang selepas kerjayanya selama 28 tahun sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Johor Corporation (JCorp, 1982-2010). Pada akhir perjawatannya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Johor Corporation diiktiraf sebagai salah satu syarikat terkemuka di Malaysia dengan lebih daripada 280 syarikat dan 65,000 pekerja. Jumlah nilai permodalan pasaran syarikat PLC dibawah JCorp pada akhir tahun 2010 adalah berjumlah RM18.1 bilion.

Kajian oleh Oxford Universiti mengenai Waqaf Korporat pada tahun 2010 menyatakan bahawa "Jihad Bisnes, Waqaf Korporat dan Intrapreneurship adalah sangat berkesan & jauh terkehadapan daripada apa yang mungkin dicapai oleh kaedah pembangunan ekonomi konvensional dan kaedah dorongan polisi yang sedia ada".

Tan Sri Muhammad Ali juga merupakan Pengasas Waqaf An-Nur Corporation Bhd (WANCorp), institusi Wakaf Korporat pertama di Malaysia yang ditubuhkan oleh JCorp pada tahun 1998. Aset wakaf WANCorp berjumlah RM250 juta, pada akhir 2014 lebih daripada dua kali ganda melebihi RM500 juta; dan menjelang akhir tahun 2015, jumlah nilai aset WANCorp telah meningkat tiga kali ganda kepada hampir RM800 juta.

Atas sumbangannya terhadap perkembangan keusahawanan dan kedudukan ekonomi masyarakat Islam, beliau menerima Anugerah Penghargaan Maal Hijrah oleh Yang di-Pertuan Agong pada 2007.

Tan Sri Muhammad Ali telah menulis empat buku, yang terbaru di bawah tajuk - "Strategi Jihad Bisnes" 2015 dan penulis bersama dalam 2 skrip pementasan drama. Antara idea-idea berani dan inovatif yang diamalkan oleh Tan Sri Muhammad Ali termasuk: Jihad Bisnes, Wakaf Korporat, Intrapreneurship atau Usahawan Amanah.

Tan Sri Muhammad Ali disenaraikan oleh Pusat Pengajian Strategik Islam Diraja Jordan, Amman sebagai salah satu daripada "500 Muslim Paling Berpengaruh di Dunia" selama dua tahun berturut-turut pada 2016 dan 2017.

Beliau telah kembali ke Rahmatullah pada 31 Oktober 2017. Al-Fatihah.

He was the President of the Malaysian Islamic Chamber of Commerce (MICC)(2012-2017) and Chairman; Awqaf Holding Berhad(2012-2017), Malaysia's first community -driven Corporate Waqf.

He graduated with a Bachelor's Degree in Economics (Hons.)from University of Malaya in 1969. He was conferred Honorary Doctorates in entrepreneurship and Islamic business and management from nine universities.

Tan Sri Muhammad Ali was recognised as an outstanding corporate entrepreneur after a successful 28-year career as CEO of Johor Corporation (JCorp, 1982-2010). At the end of his tenure as CEO, JCorp was recognised as one of Malaysia's outstanding corporations with more than 280 companies and 65,000 Group employees. Total market capitalisation value of JCorp-controlled PLC companies at end 2010 stood at RM18.1 billion

A study by Oxford University on Corporate Waqf in 2010 indicated that "Business Jihad, Corporate Waqf and intrapreneurship have been highly effective & have far exceeded what would have been likely achievable through using conventional development economic tools and known policy-driven methods".

Tan Sri Muhammad Ali was the Founder of Waqaf An-Nur Corporation Bhd, (WANCorp) Malaysia's first Corporate Waqf entity established by JCorp in 1998. WANCorp's initial waqf assets in stood at RM250 million, at end of 2014 more than doubled to exceed RM500 million and by the end of 2015, WANCorp's total asset value had tripled to almost RM800 million.

He received the Ma'al Hijrah Award from the Yang di-Pertuan Agong in 2007, upon his overall contributions to the entrepreneurship development and the economic standing of the Muslim community in Malaysia

Tan Sri Muhammad Ali has written four books, the latest under the titles- "Strategi Jihad Bisnes" (Business Jihad Strategy – 2015) and joint writer for 2 teather plays. Among the bold and innovative ideas put into practice by Tan Sri Muhammad Ali include: Business Jihad, Corporate Waqf and Intrepreneurship or Amanah Entrepreneurship.

Tan Sri Muhammad Ali was listed by The Jordanian Royal Islamic Strategic Studies Centre, Amman as one of "The World's 500 Most Influential Muslims" for two consecutive years in 2016 and 2017.

He has passed away on 31st October 2017. Al-Fatihah.

## WAQAF KORPORAT®

Satu inovasi yang mengintegrasikan institusi wakaf Islam secara langsung ke dalam sistem pembangunan ekonomi negara yang hari ini dilihat dipacu terutamanya oleh organisasi bisnes dan korporat swasta.

Matlamat jangka panjangnya ialah menyeimbangkan sistem ekonomi yang didominasi oleh korporat milik swasta, bertujuan memberi peluang kepada majoriti rakyat jelata mendapat akses dan manfaat yang saksama daripada perkembangan sektor bisnes dan korporat negara.

Waqaf Korporat® bertujuan khas untuk mengatasi kelemahan organisasi dengan memperkasakan ekonomi ummah menggunakan institusi wakaf warisan Islam. Ditubuhkan sebagai sebuah wakaf, Waqaf Korporat® boleh bertindak sebagai sebuah institusi berasaskan komuniti atau community-driven yang menggerakkan sumber-sumber komuniti untuk menjadi peneraju utama menjayakan bisnes mapan milik komuniti.

Antara faktor-faktor kritikal yang menjadi pra-syarat kepada kejayaan Waqaf Korporat® adalah penubuhannya sebagai organisasi bermatlamatkan bisnes sepenuhnya. Struktur korporat dan sistem pengurusannya, seperti yang diamalkan oleh AWQAF, wajib mengguna-pakai amalan tadbir urus korporat terbaik, selain menentukan ia diterajui oleh eksekutif berdaya keusahawanan entrepreneur pada setiap masa.

Organisasi Waqaf Korporat® mesti beridentiti korporat dan berkuasa autonomi sepenuhnya, menjanakeupayaan ekonominya sendiri, tertakluk kepada peruntukan kuasa dalam Memorandum dan Artikelnya (“M&A”) dan syarat -syarat kelulusan Mutawallinya. Waqaf Korporat® adalah institusi unik yang sangat berbeza dengan yayasan atau badan amanah yang ditubuhkan oleh syarikat-syarikat milik swasta. Perbezaan paling asas ialah hakikat bahawa Waqaf Korporat® bukan dimiliki oleh mana-mana entiti swasta atau golongan eksklusif korporat tertentu.

## CORPORATE WAQF®

Corporate Waqaf is an innovation that integrates Islamic waqf institutions directly into this country's economic development system that is seen primarily driven by business organizations and private corporations.

Its long-term goal is to balance the economic system dominated by private-owned corporations, aiming at providing the majority of the people the opportunity to equal access and benefits from the development of the country's business and corporate sectors.

Corporate Waqaf® is meant to address the organizational weaknesses by empowering the economy of the Ummah by using one of the Islamic inheritance of waqf institutions. Established as a waqf body, Corporate Waqaf® acts as a community-driven institution that mobilizes community resources to become a successful community-owned business.

Among the critical factors that are pre-requisite to the success of Corporate Waqaf®, is that its establishment is setup as a fully-fledged business organization. Its corporate structure and system of management, as practiced by AWQAF, is obligatory to adopt the best corporate governance practices, other than to ensure it is being led by an entrepreneurial-executive at all times.

The Corporate Waqaf® organization must have a corporate identity and full autonomy to generate its own economic capabilities, subject to the power provisions stipulated in the Memorandum & Articles ("M&A") and the requirements of the Mutawalli being fulfilled. Corporate Waqaf® is a unique institution that highly differentiates itself from a ‘foundation’ or a ‘trust body’ that is established by private-owned companies. The most fundamental difference is the fact that Corporate Waqaf® is not owned by any private entities or by any specific exclusive corporate group.

## VISI / *VISION*

“Menggunakan keupayaan luar biasa Waqaf Korporat® dan memanfaatkan kelestarian wakaf mentransformasi ekonomi untuk membina masyarakat yang adil dan makmur.”

*“Bridging economic divides through Corporate Waqf's® unique capability and harnessing waqf's sustainability to transform the economy and build a just and prosperous society.”*

## MISI / *MISSION*

“Membina bisnes, menghimpunkan aset, menambahkan nilai dan memupuk daya keusahawanan *entrepreneur* menjana peluang ekonomi baru memakmurkan masyarakat menerusi kaedah bisnes dan korporat bersumberkan dana wakaf.

*“To build businesses, accumulate assets, add value and entrepreneurially create new economic opportunities to prosper society through waqf-funded business and corporate methods.*

Menjadi institusi Waqaf Korporat® diterajui komuniti merealisasikan matlamat Jihad Bisnes bertujuan memperkasa ekonomi masyarakat Islam memakmurkan semua.”

*To become a community-driven Corporate Waqf® institution to realize the objectives of Business Jihad and economically empower the Muslim community to prosper everyone.”*



## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN AWQAF

## *AWQAF Annual General Meeting*

2018




Mesyuarat Agung Tahunan
*Annual General Meeting*

2017



Mesyuarat Agung Tahunan
*Annual General Meeting*

2016




Mesyuarat Agung Tahunan
*Annual General Meeting*

2015



Mesyuarat Agung Luar Biasa
*Extraordinary General Meeting*

## MODEL WAQAF KORPORAT ®
## *CORPORATE WAQF MODEL ®*







STATUS KEAHLIAN
(Pada 20 FEBRUARI 2019

*MEMBERSHIP STATUS*
*(As at 20 FEBRUARY 2019)*

## KELEBIHAN AWQAF DIDAFTAR SEBAGAI SYARIKAT

*ADVANTAGES AWQAF BEING REGISTERED AS A COMPANY*

AWQAF yang didaftarkan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 menerima pakai semua kaedah standard pengurusan amalan korporat terbaik terutama ketelusan dan kebertanggungjawaban.

*As a company registered under Companies Act 2016, Awqaf in committed to adopt best practice and highest corporate governance standards of transparency and accountability.*

**MENEGAKKAN SYURA DAN MEMATUHI TADBIR URUS KORPORAT TERBAIK**

***CONSENSUS-BASED DECISION MAKING AND ADOPTING HIGHEST CORPORATE GOVERNANCE STANDARDS***

## AHLI JAWATANKUASA EKSEKUTIF

*EXECUTIVE COMMITTEE MEMBERS (EXCO)*



1. Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir (Pengerusi)
2. Tuan Hj. Mohammad Sahar Mat DIn (Timbalan Pengerusi)
3. Puan Azizah Abdul Rahman (Pengarah Kewangan)
4. Encik Mohsein Shariff (Pengarah Bebas)

## AHLI JAWATANKUASA AUDIT

*AUDIT COMMITTEE MEMBERS*

1. Puan Azizah Abdul Rahman (Pengerusi)
2. Encik Mohsein Shariff
3. Datuk Dr. Mohd Ghazali Md Noor

Auditor :
Messrs Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS/AF:1300), 4-04-2, Presint Alami, Pusat Perniagaan Worldwide 2, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor.






# PROJEK HARTANAH
## *Property Project*
# AWQAF



- **Suite Hotel**
  ***Hotel Suite***
- **Unit Komersial**
  ***Commercial Unit***
- **Unit Pejabat**
  ***Office Unit***










**Peluang Pelaburan di Lokasi Strategik**
***Investment Opportunity in Strategic Location***

## WAKAF

mahabbah 10

AWQAF Holdings Berhad telah bekerjasama dengan Yayasan Iqra' yang diketuai oleh YBhg. Dato' Seri Idris Jusoh, bagi menganjurkan program-program pengumpulan dana Wakaf. Beberapa siri program yang dinamakan Mahabbah 10 telah diatur dan dianjurkan bagi tujuan tersebut.

*AWQAF Holdings Berhad has collaborated with Yayasan Iqra', lead by YBhg. Dato' Seri Idris Jusoh; for organizing programs to collect waqf fund. Series of ongoing programs called Mahabbah 10 are held for this purpose.*

### "MAHABBAH"

Memupuk perasaan cinta dan kasih sayang terhadap amalan "WAKAF"

*Fostering love and compassion towards the practice of "WAQF"*

### "10"

Setiap ahli perlu mencari 10 ahli baru AWQAF.

*Each member is required to find 10 new AWQAF members.*






# Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-5

## *5th Annual General Meeting*

29 June 2018 Bangi Convention Center














# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN AWQAF KE-5

## *Dalam Ingatan*
*In Memory*

Allahyarham
**Tan Sri Muhammad Ali Hashim**
1936 - 2017



"**Waqaf Korporat** perlu dijadikan agenda nasional, dilaksanakan kerajaan dan diitegrasikan ke dalam perancangan **jangka panjang kerajaan**...

..untuk menjayakannya, penguasa wakaf dan Majlis Agama Islam mesti **membuka luas pintu wakaf** yang berkembang pesat seperti yang dilakukan di Turki dan Indonesia".

"**Jangan Sekali-kali takut** bertindak menentang dan mengetepikan doktrin Barat yang merosakkan..

..dan jangan pula segan dan apolegetik **mentransformasi sistem ekonomi** mengikut acuan kita sendiri, berlandaskan **nilai Islam**."




**Bangsa Melayu** mesti pandai melayari gelora dan wajib meyusun semula **strategi** supaya "perahu" tidak karam..

.. dan meraka tidak terus ketinggalan sebagai bangsa yang **"hanyut" ekonomi**, tanpa arah dan tujuan"

## *EduWAQF*

**MAJLIS PELANCARAN**
*LAUNCHING CEREMONY*
**Dana Wakaf Permulaan RM5 Juta**
*Initial Waqf Fund RM5 Million*

"Wakaf berupa enjin pembiayaan sosial yang amat signifikan bagi menjana ahktiviti-aktiviti ketamadunan seperti pendidikan , kesihatan, kemudahan awam dan pemeliharaan alam."

"Masyarakat Islam yang berkemampuan di negara kita ini perlu difahamkan akan pentingnya mereka meyumbang dalam pembinaan harta atau dana wakaf supaya ia dapat digunakan untuk kemajuan umat."

"AWQAF adalah institusi Waqaf Korporat yang diterajui oleh komuniti sebagai teraju utama untuk mencapai kejayaan dalam bidang bisnes dan ekonomi."

(29 Jun 2018)
Majlis Pelancaran EduWAQF








**Y.A.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL**
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
*DEPUTY PRIME MINISTER OF MALAYSIA*



AWQAF Holdings Berhad telah menubuhkan Tabung EduWAQF bermatlamatkan mengangkat tamadun keilmuan dengan memperkasa institusi pendidikan melalui kelestarian sumber wakaf.

*AWQAF Holdings Berhad has established EduWAQF fund with a goal to enhance intellectual civilization by empowering educational institution through sustainable source of waqf.*

**VISI** / *Vision*

Menyempurnakan aspirasi Maqasid Syariah khususnya mengenai memelihara akal

*Accomplish the aspirations of the Maqasid Syariah especially on the protection of Intellect*
















Higher Education Forum (HEF) 2018

# islamic economics @4IR : Waqf Revival









MyWaqf

Merupakan satu daripada resolusi bagi "Higher Education Forum 2018" anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi.

*One of the resolutions for "Higher Education Forum 2018 " organized by Ministry of Higher Education.*

20 March 2018
Kementerian Pendidikan Tinggi
*Ministry of Higher Education*



## TAKLIMAT :
WAQAF KORPORAT ®

## *TALK :*
*CORPORATE WAQF ®*

Bersama : **YB Tuan Haji Khalid Samad**
Menteri Wilayah Persekutuan
With : *Minister of Federal Territories*













**AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA**
**PEMBUDAYAAN WAKAF**

***MAJOR WAQF***
***ENGAGEMENT ACTIVITIES***


Persidangan Antarabangsa “Agama dan Tamadun” - IKIM



*Makkah International Waqf Congress*



Pembentangan Waqaf Korporat di Kementerian Wilayah Persekutuan


Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa



Islamic Finance News (IFN) Asia Forum



Majlis Pelancaran Tabung Wakaf UNIMAS



Endowment & Fund Management Conference



Seminar Wakaf Nusantara



Konvensyen Kepimpinan Mahasiswa Islam



Simposium Wakaf Pulau Pinang

# ZuriatCARE

"Lindungi Nasab Pelihara Nasib"

**AWQAF Holdings Bhd** telah menubuhkan Tabung ZuriatCARE dengan bermatlamat mengendalikan Program Amal Kebajikan Awqaf yang ditujukan khas untuk menangani dan mendokong NGO Islamik yang aktif di dalam program melindungi kepentingan bayi, khasnya dalam kalangan yang terbuang atau ditinggalkan ibu-bapa.

*AWQAF Holdings Bhd has established a Waqf Fund ZuriatCARE with goal is tp manage the Awqaf's charity program and cooperate with NGOs in order to overcome the phenomenon of abandoned babies.*

## VISI/ *VISION*

- **Menyempurnakan aspirasi Maqasid Syariah khususnya mengenai penjagaan zuriat**
  *Accomplish the aspirations of the Maqasid Syariah especially the care of zuriat.*

## MISI / *Mission*

- **Memupuk dan menyebarluaskan kesedaran pentingnya zuriat sebagai pewaris generasi**
  *Cultivate and dessiminate awareness of the importance zuriat future generations*
- **Kerjasama dengan kementerian dan NGO untuk program-program prevensi masalah pembuangan bayi dan remaja hamil luar nikah**
  *Collaboration with ministry and NGOs for prevention programs on the problem of phenomenon of abandoned babies and out of wedlock pregnant teenagers*
- **Menghasilkan MODUL INTERVENSI untuk ibu-ibu hamil anak luar nikah**
  *Produce INTERVENTION MODULES for out of wedlock pegnant teenagers*
- **Sokongan kepada NGO-NGO yang menepati syarat ZuriatCARE**
  *Providing support for the NGOs that follow ZuriatCARE's requirements*

## Objektif *Objective*



Memberi kesedaran
*Create awareness*



Bekerjasama dengan NGO
*Cooperate with NGOs*

Mengatasi gejala pembuangan bayi
*Overcome the phenomenons of abandoned babies*

Jawatankuasa:
*Committee:*



1. Puan Alia Muhammad Ali - Pengerusi / Chairman
2. Encik Hafidzamzahry Othman - Timbalan Pengerusi / Deputy Chairman
3. Cik Khairunnisa Binti Mazlan - Setiausaha / Secretary
4. Encik Abdul Mohsein Mohd Shariff
5. Puan Amy Nadzlina Binti Mohamed

Sumbangan kepada Tabung ZuriatCARE dialu-alukan. Segala bentuk sumbangan boleh dibuat kepada AWQAF HOLDINGS BERHAD melalui Akaun Semasa Bank Islam (BIMB) 16018010022853. Untuk maklumat lebih lanjut sila layari www.awqaf.com.my.

*Contributions to ZuriatCARE are welcomed and can be made to AWQAF HOLDINGS BERHAD through Bank Islam Current Account (BIMB)* 16018010022853. For more information please visit www.awqaf.com.my.




## FAKTA




½ JUTA KELAHIRAN ANAK LUAR NIKAH DIDAFTARKAN

2005 – 2015

3/10 REMAJA BAWAH UMUR MENGANDUNG ANAK LUAR NIKAH

160 BAYI LUAR NIKAH DILAHIRKAN IBU BERAGAMA ISLAM SETIAP HARI

15 ANAK DIJUMPAI TERBUANG SETIAP BULAN

77% SUSPEK KES ROGOL ADALAH TEMAN LELAKI/ KENALAN



**Forum "ZURIAT - Satu Amanah Atau Fitnah"**
Auditorium Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam, 29 Mei 2016



**Program Kesedaran Seksual: "Atas Nama Cinta"**
SMK Putrajaya Presint 14 (1), 5 Ogos 2016



**Program Kesedaran Seksual: "Antara Cinta dan Cita-cita, Yang Mana Utama?"**
KPJ HealthCARE University College, 6 Ogos 2016



**Lawatan ke Pertubuhan Kebajikan Darul Wardah**
12 Oktober 2016



**Lawatan ke Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan**




**Hari ZuriatCARE@FSSK - Forum "Sex Education: Yay or Nay?"**
UKM, 11 Mei 2017




**Forum - Sex Education**
UKM, 10 Disember 2017



**FSSK Run for ZuriatCARE**
UKM, 10 Disember 2017




**Forum "I am My Own Hero"**
PWTC, 3 Ogos 2018




**Sexual Grooming di Media Sosial Malaysians Against Pronography**
PICC, 1 September 2018



**Forum "Media Sosial: Perangkap Anak Muda"**
PICC, 1 September 2018

# WAQAF KORPORAT®

## INSTITUSI MEMPERKASA EKONOMI UMAT

# CORPORATE WAQF®

## AN INSTITUTION TO STRENGTHEN UMMAH'S ECONOMY

Antara Ahli-ahli korporat
*Among corporate members*

YAYASAN ALBUKHARY FOUNDATION

Iqra' FOUNDATION

dasb

UMW

Bank Muamalat

AZRB AHMAD ZAKI RESOURCES BERHAD

BULATAN MEKAR SDN. BHD.

UNIMAS UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

UNIVERSITI MALAYA

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU UMT

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

HIGHER Education MALAYSIA

USM UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERILMU BERBAKTI

Universiti Malaysia PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

UNISZA UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UUM Universiti Utara Malaysia

# SECARA ATAS TALIAN
*ONLINE*



www.awqaf.com.my

1 Layari laman web AWQAF Holdings Berhad




2 Klik pada pautan "Kaedah Berwakaf" dan klik pada pautan "Atas Talian"




3 Klik pada pautan “Wakaf Sebagai Ahli Baru”




4 Lengkapkan Maklumat




5 Pilih saluran pembayaran

## SEMAK KEAHLIAN




i) User ID
- Masukkan Nombor Kad Pengenalan
- contoh : 912345678910

ii) Kata Laluan
- Masukan pekataan “awqaf” dan disambung dengan 4 nombor terakhir kad pengenalan
- Contoh : awqaf8910




Semak status keahlian & jumlah wakaf




Semak & kemaskini nama, alamat, no. telefon & kata laluan




Semak transaksi wakaf & cetak resit

# SECARA MANUAL



www.awqaf.com.my




1 Muat turun borang pendaftaran
*Download registration form*




2 Membuat bayaran ke Akaun
*Make a payment to the account*

**Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)**
**AWQAF HOLDINGS BERHAD**
**1601 801 0022 853.**

3 Hantar borang pendaftaran serta bukti pembayaran melalui :
*Send the registration form and proof of payment through :*



poskan ke alamat :
Suite 21, Tingkat 1, PKNS BizPoint,
67A, Jalan Plumbum P7/P, Seksyen 7
40000 Shah Alam, Selangor.



email : membership@awqaf.com.my,



Hantar ke :
Suite 21, Tingkat 1, PKNS BizPoint,
67A, Jalan Plumbum P7/P, Seksyen 7
40000 Shah Alam, Selangor.

AWQAF HOLDINGS BHD

www.awqaf.com.my

Warga Malaysia merasa tergugat dan terancam apabila aset strategik milik negara diswasta / dikompromikan, dibiar menjadi milik gergasi korporat asing. Mewujudkan sebanyak mungkin institusi Waqaf Korporat® , akan menjadi pelindung dalam memelihara aset-aset negara bagi menjamin kesejahteraan ekonomi generasi masa depan rakyat Malaysia.

*Malaysians were particularly alarmed when strategic national assets were compromised and allowed to be privatised and acquired by foreign owned corporations. A critical mass of Corporate Waqfs® can serve as a robust institutional shield to protect and preserve national assets to secure the economic wellbeing of future generations of Malaysians.*